



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)  
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(87)

Tarikh : 06.05.2019

Ruj Tuan/ Our Ref:

**IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL SIRI 1/2019**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan-jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN :** PEGAWAI TADBIR GRED N44
- (b) **PENEMPATAN:** FRIM PCS (Perkhidmatan Persijilan Produk)
- (c) **TARAF  
JAWATAN :** KONTRAK
- (d) **JADUAL GAJI :** RM 3,363.00 (Minimum) – RM 9,406.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN :** RM 250.00
- (f) **IMBUHAN**
  - (i) Tetap Keraian : RM400.00
  - (ii) Tetap Perumahan : RM400.00
  - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN :**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

  - (i) Warganegara Malaysia;
  - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (iii) Memiliki kelayakan berikut:
    - (a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (Gaji permulaan ialah pada Gred N44: RM3363.00);
    - (b) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau (Gaji permulaan ialah pada Gred N44: RM3363.00);

**(h) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(i) SYARAT TAMBAHAN**

- (i) Calon haruslah mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam bidang pentadbiran / pemasaran / penjualan;
- (ii) Berkemampuan dalam menjalankan kajian pasaran, pengurusan, kewangan, statistik dan ekonomi;
- (iii) Berpengalaman dalam merancang, menyelia dan melaksanakan pelan strategi serta memenuhi KPI yang ditetapkan; dan
- (iv) Fasih berbahasa dan mahir dalam penulisan sekurang-kurangnya dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

**(j) SKOP TUGAS**

- (I) Pentadbiran Am;
- (II) Pengurusan Personel;
- (III) Pengurusan Kewangan; dan
- (IV) Penyelidikan dan Pembangunan Pengurusan.

**CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<https://www.frim.gov.my/career-opportunities/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 Mei 2019 (Jumaat)**

**CATATAN AM**

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.